

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1994/95

APRIL 1995

**RMK 454 - Undang-Undang 2**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja.

1. Senaraikan dokumen-dokumen yang membentuk dokumen-dokumen kontrak dimana Bil-Bil Kuantiti digunakan.

Terangkan peranan tiap-tiap daripada dokumen-dokumen ini dalam pentadbiran kontrak.

( 100 markah )

2. (a) Terangkan perbezaan antara "arahan pindaan" daripada "kerja tambahan" dalam sesuatu kontrak yang menggunakan syarat-syarat Kontrak PAM.  
(b) Dalam sesuatu kontrak untuk pembinaan sesuatu sekolah, kadar-kadar berikut telah diisikan dengan silap oleh kontraktor:

(i) Konkrit (1:2:4)	RM18 se m <sup>3</sup>
(ii) Genting Seramik	RM200 se m <sup>2</sup>
(iii) Genting Terrazzo	RM3 se m <sup>2</sup>

Arkitek memberi arahan kepada kontraktor untuk membesaraskan kantin sepanjang 5m dan juga untuk menggantikan genting seramik dengan genting terrazzo. Akibat arahan ini jumlah kuantiti konkrit dalam lantai telah berubah daripada 75m<sup>3</sup> yang disenaraikan di Bil-Bil Kuantiti ke 90m<sup>3</sup>.

Juruukur Bahan ingin menggunakan kadar-kadar dalam Bil-Bil Kuantiti untuk penilaian arahan pindaan ini. Jika begitu nilai arahan pindaan ini akan menjadi penolakan daripada nilai kontrak.

Kontraktor enggan menjalankan kerja pindaan ini hingga Juruukur Bahan bersetuju untuk pembetulan kepada kadar-kadar (i) hingga (iii) di atas dibenarkan.

Berikan pandangan anda tentang implikasi-implikasi kontraktual yang terlibat.

(100 markah )

...2/-

3. Berikut adalah butir-butir untuk kontrak membina sebuah kilang:

Jenis Kontrak	:	Borang Kontrak PAM
Majikan	:	ZP Bhd.
Kontraktor	:	BC Sdn. Bhd.
Tempoh Kontrak	:	10 bulan
Tarikh Penyiapan	:	28 Februari 1995
Gantirugi yang ditaksirkan untuk kelewatan : RM5,000 sehari		

Pada 15 Januari 1995 BC Sdn. Bhd. memberitahu Arkitek kelewatan selama 173 hari telah berlaku atas sebab-sebab berikut:

- (a) Kekurangan papan lapis : 50 hari
- (b) Kematian Pengarah Projek : 17 hari
- (c) Arahan-arahan Pindaan : 30 hari
- (d) Peninggalan kerja oleh kontraktor kecil domestik untuk kerja lepaan : 36 hari
- (e) Penggeledahan oleh Jabatan Imigresen untuk menangkap pekerja-pekerja tanpa izin : 40 hari

Arkitek telah membenarkan lanjutan masa sebanyak 30 hari atas sebab arahan-arahan pindaan.

Hingga 30 Mac 1995, BC masih tertinggal hampir 25% daripada keseluruhan kerja yang dijadualkan maka ZP Bhd. menolak RM150,000 daripada bayaran kemajuan BC sebagai gantirugi yang ditaksirkan. Akibat dari penolakan ini, BC gagal membayar amaun yang telah disijilkan untuk kontraktor-kontraktor kecil yang dinamakan. Beberapa daripada kontraktor-kontraktor kecil itu berhenti kerja dengan serta merta.

Nasihatkan parti-parti yang terlibat.

( 100 markah )

4. SP ialah pemaju sebuah blok pangsapuri yang dibina oleh LK, Kontraktor Utama. SP mula gagal membayar LK daripada Sijil Interim yang keenam oleh sebab kesulitan kewangan. LK masih meneruskan kerja dengan licin dan sesungguhnya atas jaminan daripada SP yang keadaan kewangan akan pulih dalam masa sebulan.

Dua bulan selepas itu LK masih tidak menerima sebarang bayaran dengan akibat kontraktor-kontraktor kecil yang dicalonkan tidak dibayar dan enggan bekerja. Oleh sebab ini, kemajuan kerja telah dilambatkan.

Buat masa itu, oleh sebab tempoh kontrak sekarang tinggal sebulan, Arkitek memberi amaran kepada LK bahawa kelewatan menyiapkan kerja tidak akan dibenarkan. LK menjawab dengan memberi SP notis untuk membayar segala bayaran yang masih dihutang dalam tempoh 7 hari dan menyatakan kontrak akan ditamatkan jika majikan gagal mematuhi notis ini.

- (a) Nasihatkan SP.
- (b) Terangkan prosedur yang terlibat jika LK kemudiannya menamatkan kontrak.

Andaikan syarat-syarat PAM digunakan dalam kontrak ini.

( 100 markah )

...3/-

5. Pihak majikan untuk sebuah projek kondominium ingin menentukan kualiti kerja oleh kontraktor adalah bermutu. Arkitek telah mengesyorkan dia akan menyediakan kerja dengan tegas.

Majikan memerlukan pandangan anda bagaimana, selain daripada jaminan Arkitek itu, dokumen-dokumen kontrak boleh memastikan kontraktor menghasilkan mutu kerja sepetimana yang dikehendaki.

( 100 markah )

6. HT ialah pemaju sebuah blok pejabat yang dibina oleh KK, Kontraktor Utama, di atas tebing Sungai Kelang. Dalam lot tanah yang berjiran LRT Sdn. Bhd. telah membina tempat letak kereta bawah tanah.

Sebahagian daripada dinding tembok yang dibina oleh LRT runtuh dan memusnahkan sebahagian tingkat bahawa tanah dan juga membunuh dua orang pekerja kontraktor kecil yang dinamakan KK dan keluarga pekerja-pekerja itu ingin mengambil tindakan atas pihak-pihak yang bertanggungjawab.

Berikan pandangan anda.

( 100 markah )

oooOooo

